



GARIS PANDUAN PERAKAUNAN BIL.1 TAHUN 2023 KONTRAK JAMINAN KEWANGAN KERAJAAN

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan memberi panduan berkaitan pengenalpastian dan pengolahan perakaunan kontrak jaminan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada syarikat berkaitan Kerajaan, badan-badan berkanun Kerajaan dan anak syarikat Kerajaan Negeri.
- 1.2 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan:
 - 1.2.1 *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 29* – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran;
 - 1.2.2 MPSAS 19 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka;
 - 1.2.3 Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]; dan
 - 1.2.4 Manual Operasi Perakaunan Akruan – Bab Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (FAL 4).

2. SKOP

- 2.1 Garis panduan ini diguna pakai bagi mengakaunkan kontrak jaminan kewangan Kerajaan yang:
 - 2.1.1 tertakluk di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]; atau
 - 2.1.2 tertakluk di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]; atau
 - 2.1.3 tertakluk di bawah *Incorporation (State Legislatures Competency) 1962 [Act 380]*; dan
 - 2.1.4 di bawah skop kontrak jaminan kewangan dan instrumen kewangan menurut MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran.
- 2.2 Garis panduan ini tidak terpakai untuk:
 - 2.2.1 Jaminan Kerajaan atas pencarum atau pendeposit yang diperuntukkan di bawah akta selain Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]. Contohnya: Akta Tabung Haji 1965, Akta KWSP 1991, dan Akta Bank Simpanan Nasional 1974; dan
 - 2.2.2 Jaminan Kerajaan atas Syarikat Terhadap Dengan Jaminan (CLBG).



LATAR BELAKANG

- 3.1 Jaminan kewangan dikeluarkan oleh Perbendaharaan bagi tujuan menjamin instrumen pembiayaan kewangan yang digunakan dalam pembangunan infrastruktur dan peningkatan pertumbuhan ekonomi.
- 3.2 Dalam perakaunan tunai ubahsuai, jaminan kewangan didedahkan di Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.
- 3.3 Dalam persekitaran perakaunan akruan, jaminan kewangan perlu dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan apabila Kerajaan telah menjadi pihak yang terlibat sebagai pengeluar jaminan dalam kontrak jaminan kewangan. Walau bagaimanapun, sesuatu pengaturan kontrak jaminan kewangan perlu dinilai berasaskan kepada intipati pengaturan kontrak tersebut berdasarkan prinsip Intipati Berbanding Bentuk (*Substance Over Form*).

3. TAKRIF

- 4.1 **Kontrak Jaminan Kewangan**
Mengikut MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, kontrak jaminan kewangan ialah satu kontrak yang memerlukan pengeluar jaminan membayar balik kerugian yang ditanggung oleh pemegang jaminan atas kegagalan entiti yang dijamin menjelaskan pembayaran berdasarkan kontrak instrumen hutang asal atau kontrak yang telah diubahsuai.
- 4.2 **Pengeluar jaminan**
Merujuk kepada Perbendaharaan yang memberikan jaminan kewangan kepada entiti yang dijamin.
- 4.3 **Pemegang jaminan**
Merujuk kepada entiti yang memberikan instrumen hutang kepada entiti yang dijamin. Pemegang jaminan juga merujuk kepada individu atau entiti yang melanggan instrumen hutang daripada entiti yang dijamin.
- 4.4 **Entiti yang dijamin**
Merujuk kepada syarikat berkaitan Kerajaan, badan-badan berkanun Kerajaan dan anak syarikat Kerajaan Negeri yang menerima instrumen hutang dari pemegang jaminan.
- 4.5 **Fi Jaminan**
Merupakan sejumlah amaun yang perlu dijelaskan oleh entiti yang dijamin kepada pengeluar jaminan dalam pengaturan kontrak jaminan kewangan.



4.6 Nilai Saksama

Merujuk kepada amaun suatu aset yang boleh ditukarkan atau suatu liabiliti dilangsaikan, antara pihak yang berpengetahuan dan bersetuju dalam urusanniaga secara tulus (*arm's length*).

4.7 Urus niaga pertukaran

Urus niaga yang berlaku apabila sebuah entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan **secara langsung** memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran.

4.8 Instrumen hutang

Merupakan salah satu alat yang digunakan oleh entiti untuk mendapatkan modal. Antara contoh instrumen hutang ialah sukuk, bon dan pinjaman berjangka.

4. PENGENALPASTIAN KONTRAK JAMINAN KEWANGAN

5.1 Seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 4.2, garis panduan ini terpakai apabila Perbendaharaan menjadi pihak yang berkontrak sebagai pengeluar jaminan kepada entiti yang dijamin dalam kontrak jaminan kewangan.

5.2 Perbendaharaan hendaklah meneliti terma pengaturan kontrak jaminan kewangan adalah mengikat dan ia boleh dikuatkuasakan. Terma yang mengikat ini boleh menimbulkan obligasi kini kepada Perbendaharaan apabila terdapat kemungkinan akan berlaku atau tidak berlakunya peristiwa kemungkiran pada masa hadapan.

5.3 Kontrak jaminan kewangan boleh wujud dalam pelbagai bentuk dokumen perundangan (*legal form*). Di antara dokumen perundangan yang biasa digunakan adalah seperti berikut:

5.3.1 Kontrak Jaminan Kerajaan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96];

5.3.2 Surat Aku Janji seperti *Letter of Support* dan *Letter of Undertaking*;

5.3.3 Apa-apa jaminan yang diberikan secara bertulis atas nama Kerajaan.

5.4 Perbendaharaan juga boleh menjadi pengeluar jaminan dalam suatu pengaturan selain kontrak jaminan kewangan. Pengaturan tersebut tidak termasuk dalam skop garis panduan ini seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2.2 dan hendaklah diperakaunkan menggunakan aplikasi dalam MPSAS 19 - Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.



Keadaan ini boleh berlaku apabila pengaturan tersebut wujud disebabkan oleh keperluan undang-undang tertentu atau obligasi konstruktif.

- 5.5 Proses penentuan klasifikasi jaminan Kerajaan boleh dirujuk kepada **Lampiran 1: Ilustrasi Pokok Keputusan Aplikasi Perakaunan bagi Jaminan Kewangan Kerajaan.**

5. INTIPATI PENGATURAN KONTRAK JAMINAN KEWANGAN

- 6.1 Perbendaharaan perlu memastikan pengaturan secara keseluruhan kontrak jaminan kewangan yang dikenal pasti di perenggan 5 mempunyai intipati kontrak jaminan kewangan. Pengaturan secara keseluruhan berkaitan suatu kontrak jaminan kewangan hendaklah menggambarkan dengan sebenarnya intipati dan realiti ekonomi urusan dan peristiwa lain berbanding dokumen perundangan yang berkuatkuasa.
- 6.2 Intipati pengaturan kontrak jaminan kewangan boleh ditentukan berdasarkan tiga (3) kategori entiti yang dijamin seperti jadual di bawah. Entiti yang dijamin tidak semestinya memenuhi kesemua ciri-ciri yang dinyatakan, satu atau lebih kombinasi boleh mewajarkan penentuan kategori yang dinyatakan:

Kategori	Ciri-ciri entiti yang dijamin
1	(i) Model perniagaan entiti yang dijamin adalah bertujuan untuk menjana hasil dan keuntungan; (ii) Semua atau sebahagian besar perbelanjaan operasi entiti yang dijamin dibiayai daripada sumber dalaman iaitu hasil yang dijana; (iii) Entiti yang dijamin berupaya membayar hutang menggunakan sumber dalaman dari hasil yang dijana.
2	(i) Model perniagaan entiti yang dijamin adalah bertujuan untuk menjana hasil; (ii) Hasil yang dijana daripada aktiviti utama tidak dapat menampung perbelanjaan operasi; (iii) Entiti yang dijamin kurang berupaya membayar hutang sepenuhnya menggunakan sumber dalaman dan hasil yang dijana.



3	<ul style="list-style-type: none"> (i) Model perniagaan entiti yang dijamin ditubuhkan bukan bertujuan untuk menjana hasil dan keuntungan; (ii) Sebahagian besar perbelanjaan operasi entiti yang dijamin dibiayai daripada sumber Kerajaan; (iii) Entiti yang dijamin tidak mampu membayar hutang menggunakan sumber dalaman.
---	---

6.3 Kategori entiti yang dijamin akan digunakan dalam menentukan pengolahan perakaunan bagi kontrak jaminan kewangan tersebut.

6. PENGOLAHAN PERAKAUNAN – PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN AWAL

7.1 Pengolahan perakaunan bagi suatu kontrak jaminan kewangan ditentukan berdasarkan kepada intipati pengaturan kontrak tersebut seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.

Pengolahan Perakaunan bagi Fi Jaminan Kewangan

7.2 Perbendaharaan hendaklah menentukan kadar Fi Jaminan bagi setiap kontrak jaminan kewangan yang dikeluarkan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96].

7.3 Bagi tujuan garis panduan ini, nilai saksama Fi Jaminan merujuk kepada nilai yang ditentukan berdasarkan model pengiraan (*mathematical model*) oleh Perbendaharaan dan diluluskan oleh Menteri Kewangan.

7.4 Fi Jaminan bagi kontrak jaminan kewangan hendaklah diperakaunkan di bawah **Dana Amanah - Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan** sebagai hasil pertukaran. Sekiranya Fi Jaminan diterima secara terdahulu (*upfront*), Fi Jaminan tersebut hendaklah dilunaskan kepada hasil secara berperingkat di sepanjang tempoh jaminan.

7.5 Sekiranya Perbendaharaan mencadangkan tiada Fi Jaminan dan diluluskan oleh Menteri Kewangan, maka tiada pengiktirafan dibuat bagi Fi Jaminan Kewangan.

7.6 Bagi jaminan yang tidak dikenakan Fi Jaminan, pada pengiktirafan awal Perbendaharaan hendaklah membuat penilaian bagi keupayaan kewangan dan daya maju (*viability*) entiti yang dijamin untuk memenuhi obligasi pembiayaannya. Sekiranya wujud obligasi kini yang akan menimbulkan liabiliti kepada Kerajaan, liabiliti jaminan kewangan hendaklah diiktiraf dan diperakaunkan di bawah **Dana Am – Komitmen Jaminan**. Penilaian yang



sama juga hendaklah dibuat terhadap semua entiti yang dijamin pada setiap tarikh pelaporan bagi mengenal pasti kewujudan obligasi kepada Kerajaan.

7.7 Pengolahan perakaunan bagi setiap kategori entiti yang dijamin adalah seperti berikut:

7.7.1 Kategori 1

- a) Pada pengiktirafan awal, kontrak jaminan kewangan akan diperakaunkan pada amaun Fi Jaminan Kewangan mengikut keperluan dalam MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran.
- b) Amaun Fi Jaminan hendaklah diiktiraf sama ada sebagai liabiliti Fi Jaminan atau hasil berdasarkan terma kontrak jaminan kewangan. Fi Jaminan akan diiktiraf sebagai hasil jika dan hanya jika kriteria pengiktiraf hasil dipenuhi mengikut keperluan MPSAS 9 – Hasil daripada urusanniaga pertukaran.

(i) *Memperakaunkan Fi Jaminan yang diterima secara pembayaran terdahulu (upfront):*

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Bank	G000	A01XXXXX
Kt.	Liabiliti Fi Jaminan	E737	L1742120 / L1742220

(ii) *Memperakaunkan Fi Jaminan yang diterima apabila ia diperoleh (when earned):*

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Bank	G000	A01XXXXX
Kt.	Hasil dari urusanniaga pertukaran	E737	H0272443

7.7.2 Kategori 2

- a) Perbendaharaan perlu membuat penilaian bagi keupayaan kewangan dan daya maju (*viability*) entiti yang dijamin untuk memenuhi obligasi pembiayaannya. Bagi mencapai maksud ini,



Perbendaharaan hendaklah menggunakan kaedah penilaian yang objektif dan boleh disokong dengan bukti.

b) Berdasarkan hasil penilaian pada perenggan 7.7.2(a), pengiktirafan awal kontrak jaminan kewangan akan dibuat seperti berikut:

(i) Entiti yang dijamin mempunyai keupayaan kewangan dan daya maju (*viability*)

Pada pengiktirafan awal, Perbendaharaan hanya mengiktiraf Fi Jaminan seperti perenggan 7.7.1.

(ii) Entiti yang dijamin tidak mempunyai keupayaan kewangan dan daya maju (*viability*)

Pada pengiktirafan awal, keseluruhan amaun yang dijamin akan diiktiraf sebagai Liabiliti Jaminan Kewangan seperti perenggan 7.7.3.

7.7.3 Kategori 3

a) Entiti yang dijamin di bawah kategori 3 adalah tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membayar balik pinjaman yang dijamin oleh Perbendaharaan.

b) Pada pengiktirafan awal, keseluruhan amaun yang dijamin mengikut terma kontrak jaminan kewangan akan diiktiraf sebagai Liabiliti Jaminan Kewangan seperti berikut:

(i) Jaminan kewangan dengan Fi Jaminan

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Bank	G000	A01XXXXX
Kt.	Hasil daripada urusan niaga pertukaran	E737	H0272443
	(Merekod terimaan Fi Jaminan)		
Dt.	Belanja Kerugian Pengiktirafan Liabiliti	G000	B0557501



Kt	Liabiliti Jaminan Kewangan	G000	L1742110 / L1742112 / L1742210 / L1742212
	(Merekod amaun yang dijamin)		

(ii) *Jaminan kewangan tanpa Fi Jaminan*

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Belanja Kerugian Pengiktirafan Liabiliti	G000	B0557501
Kt	Liabiliti Jaminan Kewangan	G000	L1742110 / L1742112 / L1742210 / L1742212

7. PENGOLAHAN PERAKAUNAN – PENGIKTIRAFAN BERIKUTNYA

Pelunasan Liabiliti Fi Jaminan

- 8.1 Selepas pengiktirafan awal, amaun liabiliti Fi Jaminan perlu dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan tempoh jaminan. Pelunasan tersebut akan diiktiraf sebagai hasil pertukaran.

Pelunasan Liabiliti Fi Jaminan kepada hasil daripada urusanniaga pertukaran

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Liabiliti Fi Jaminan	E737	L1742120 / L1742220
Kt.	Hasil daripada urusanniaga pertukaran	E737	H0272443



- 8.2 Pelunasan ke hasil akan dihentikan apabila wujud obligasi kini kepada Perbendaharaan seperti situasi di perenggan 8.3.2(a).

Liabiliti Jaminan Kewangan

- 8.3 Selepas pengiktirafan awal mengikut perenggan 7, pada bulan Disember setiap tahun kewangan, Perbendaharaan hendaklah mengukur Liabiliti Jaminan Kewangan pada amaun yang lebih tinggi antara:

8.3.1 Amaun yang diiktiraf pada pengiktirafan awal atau jika berkaitan ditolak pelunasan terkumpul liabiliti Fi Jaminan; dan

8.3.2 Amaun yang ditentukan menggunakan aplikasi dalam MPSAS 19 - Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.

Perbendaharaan perlu mengenalpasti peristiwa obligasi yang akan menyebabkan kebarangkalian (*probable*) atau kemungkinan (*possible*) aliran keluar tunai. Berikut merupakan peristiwa obligasi (*obligating events*) yang akan menimbulkan obligasi kini:

- **Entiti yang dijamin gagal membuat bayaran pada tarikh bayaran (*when due*);** atau
- **Apabila entiti yang dijamin secara intipatinya (*substance*) berada dalam kedudukan tidak mampu untuk membayar instrumen hutang.** Perbendaharaan perlu menilai petunjuk kemungkinan seperti pendekatan di perenggan 7.7.2(a).

- a) Wujud kebarangkalian tinggi akan berlakunya aliran keluar tunai

Perbendaharaan hendaklah mengukur kesan kewangan yang perlu ditanggung disebabkan peristiwa obligasi seperti di atas. Liabiliti jaminan kewangan hendaklah diiktiraf sekiranya amaun yang diukur tersebut melebihi amaun pada perenggan 8.3.1.

- b) Kebarangkalian akan berlakunya aliran keluar tunai sangat rendah

Perbendaharaan hendaklah mendedahkan fakta peristiwa obligasi berkenaan sebagai liabiliti luar jangka dalam nota kepada penyata kewangan.

- c) Tiada kebarangkalian akan berlakunya aliran keluar tunai

Tiada kesan kewangan kepada Kerajaan dan fakta peristiwa obligasi tersebut tidak perlu didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.



- 8.4 Sekiranya amaun pada 8.3.2(a) adalah lebih tinggi berbanding amaun pada 8.3.1, amaun pada 8.3.2(a) hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti jaminan Kewangan dan amaun bawaan Liabiliti Fi Jaminan akan dilunaskan sepenuhnya kepada hasil.

Melaraskan liabiliti jaminan kewangan:

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Belanja Kerugian Pengiktirafan Liabiliti	G000	B0557501
Kt.	Liabiliti Jaminan Kewangan	G000	L1742110 / L1742112 / L1742210 / L1742212

Melaraskan amaun bawaan liabiliti Fi Jaminan kepada hasil:

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Liabiliti fi jaminan	E737	L1742120 / L1742220
Kt.	Hasil daripada urusniaga pertukaran	E737	H0272443

- 8.5 Sebaliknya, sekiranya amaun pada 8.3.1 adalah lebih tinggi berbanding amaun pada 8.3.2(a), tiada pelarasan yang perlu dibuat.
- 8.6 Tidak tertakluk kepada perenggan 8.3, apabila terdapat bukti objektif yang menunjukkan entiti yang dijamin gagal membuat bayaran pada tarikh bayaran (*when due*) berdasarkan terma asal atau yang telah diubahsuai, pengiktirafan liabiliti jaminan kewangan hendaklah dibuat serta merta mengikut amaun yang tertunggak tersebut.

Pengiktirafan kos kewangan atas instrumen hutang yang dijamin

- 8.7 Bergantung kepada terma kontrak jaminan kewangan, faedah yang dikenakan atas amaun instrumen hutang yang diiktiraf sebagai liabiliti jaminan kewangan hendaklah diiktiraf sebagai kos kewangan kepada Perbendaharaan.

Pembayaran faedah

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Belanja Kos Kewangan	G000/ PXX/ BXX	B0445151 / B0445152 / B0445153 /



			B0445251 / B0445252
Kt.	Bank	G000	A01XXXXX

Penarikbalikan Liabiliti Jaminan Kewangan yang diiktiraf

8.8 Apabila terdapat bukti yang menunjukkan bahawa peristiwa obligasi yang telah diiktiraf sebagai liabiliti jaminan kewangan tidak lagi wujud pada tarikh penilaian, amaun liabiliti yang pada awalnya telah diiktiraf hendaklah dilaraskan semula sebagai **pelarasan belanja pada tahun kewangan semasa** setakat amaun yang telah diiktiraf sahaja seperti berikut:

- (a) Setakat amaun instrumen hutang yang dibayar oleh entiti yang dijamin; atau
- (b) Pada amaun bagi obligasi kini yang tidak lagi berkebarangkalian akan berlaku aliran keluar tunai pada tarikh penilaian.

Mengurangkan amaun liabiliti jaminan kewangan

	Keterangan Akaun	Vot/Dana	Kod Akaun
Dt.	Liabiliti Jaminan Kewangan	G000	L1742110 / L1742112 / L1742210 / L1742212
Kt.	Belanja Kerugian Pengiktirafan Liabiliti	G000	B0557501

8. PEMAKAIAN

9.1 Perbendaharaan perlu mengguna pakai garis panduan ini dalam mengurus dan memperakaunkan jaminan kewangan kerajaan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan.

9.2 Tarikh kuatkuasa

9.3 Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh diajukan kepada:

Pengarah
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 4, Kompleks Perbendaharaan
No. 1, Persiaran Perdana, 62594 PUTRAJAYA.